

05/10/1999

Usaha Pengasih memulihkan penagih

SATU majlis penganugerahan sijil luar biasa diadakan hujung minggu lalu. Penerima sijil bukan pelajar atau mahasiswa, tetapi golongan yang berjaya mengatasi masalah penagihan dadah. Turut serta ialah dua warga Indonesia yang menjalani rawatan di Malaysia.

Majlis dianjurkan oleh Persatuan Pengasih Malaysia. Sijil disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, selaku Penaung Persatuan Pengasih. Turut serta ialah Datin Seri Marina Mahathir yang selama ini kuat memberi dorongan dan galakan kepada persatuan itu.

Pada malam itu, 44 pelatih menerima sijil masing-masing. Salah satu daripada sijil berkenaan disampaikan kepada seorang ibu. Anaknyanya meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya.

Turut memberi ucapan ialah Presiden Yayasan Insan Pengasih Indonesia, Melanie Hermanto. Hadir sama ialah ibu bapa graduan. Ada antara mereka yang menitiskan air mata sewaktu graduan menyanyi beramai-ramai.

Idea penubuhan Pengasih mula dibincangkan pada 1988 oleh empat bekas penagih dadah yang bebas dari Pusat Serenti dan bekerja sebagai pembantu pegawai di ibu pejabat Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah Kementerian Dalam Negeri, kini dinamakan Agensi Dadah Kebangsaan.

Keempat-empat mereka iaitu Mohd Yunus Pathi Mohd, Ramli Abdul Samad dan dua lagi dikenali sebagai Kippol dan Hashim. Keempat-empat mereka menjadi seperti adik beradik setelah melalui pengalaman pahit-manis bersama.

Akhirnya hasrat mereka disokong oleh Ketua Pengarah agensi itu, Datuk Shariff Osman dan direstui oleh Megat Junid. Maka lahirlah Persatuan Pengasih Malaysia pada 1991. Penubuhannya kemudian dirasmikan oleh Junid yang memberi sumbangan RM1,000.

Pada 1993, persatuan menggembeleng segala usaha dari suatu tempat yang diberi nama Rumah Pengasih di Jalan Syers, Bukit Tunku, Kuala Lumpur. Mohd Yunus adalah pengendali utama rumah berkenaan.

Daripada dua kakitangan pada awal operasinya, Rumah Pengasih kini ditadbirkan oleh 35 kakitangan terlatih dan berpengalaman. Sebilangan daripada mereka mendapat latihan di Amerika Syarikat. Sejak 1993, seramai 400 bekas pelatih dibantu dalam usaha pemulihan.

Rumah Pengasih ketika ini menampung 100 pelatih, termasuk sebilangan dari Indonesia. Hasil kejayaannya, sebuah pusat yang sama sedang diusahakan di Jakarta. Khabarnya sebuah pusat juga akan diadakan di Jogjakarta.

Menurut Mohd Yunus, pemberian sijil 'tidak lebih daripada satu acara simbolik'. Namun pihak Pengasih menginsafi betapa sukarnya bekas penagih dadah berjuang mencapai pemulihan sebenar. Oleh itu, adalah wajar mereka mendapat pengiktirafan.

Apa yang menarik perhatian ibu bapa yang melawat Rumah Pengasih ialah kawasan rumah itu tidak berpagar tinggi atau berduri. Baru-baru ini penghuni mengadakan gotong royong membina sebuah masjid kecil. Di rumah itu, ajaran agama mendapat perhatian utama.

Pihak Pengasih juga menawarkan enam perkhidmatan utama lain, iaitu
* Sinar Kasih - program integrasi selama empat dan enam bulan, sebagai persediaan kepada pelatih untuk memasuki alam pekerjaan, menyambung pelajaran dan kembali ke pangkuan masyarakat.

* Bakti Kasih - untuk kaunseling rakan sebaya dan khidmat perujukan.

* Seruan Kasih - antara sasarannya ialah pelajar dan penduduk flat atau

kawasan rancangan Felda.

* Sidang Kasih - proses terapeutik pemulihan.

* Lautan Kasih - khidmat seberang laut. Kerjasama diatur untuk latihan atau pertukaran kakitangan.

* Muara Kasih - khidmat untuk ahli-ahli yang berpenyakit tenat.

Menurut Mohd Yunus, dipanggil Yeop oleh kakitangannya, turut serta menjadi anggota Pengasih ialah dari golongan profesional dan korporat, termasuk peguam, jurutera, akauntan dan pegawai bank. Kumpulan lain ialah guru dan mahasiswa. Sejak ditubuhkan, seramai 3,000 orang berdaftar dengan Persatuan Pengasih Malaysia.

Beliau menegaskan perlunya bantuan dan sokongan pelbagai pihak termasuk mereka yang berkemampuan menyediakan latihan berkaitan sains komputer, perakaunan, psikologi dan bidang lain dalam usaha membuka peluang kepada bekas penagih yang berazam untuk pulih dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Pihak Pengasih berusaha memupuk nilai positif serta harga diri yang tinggi di kalangan mereka yang menyertai program pemulihannya.

Menarik perhatian hadirin di majlis itu ialah pesanan Megat Junid kepada ibu bapa: "Janganlah nanti diasingkan bekas penagih yang pulang setelah pulih hingga ia disuruh makan di dapur, dan anak-anak lain makan di meja".

Menurut beliau majlis itu memberi erti besar kerana ia "adalah satu pengiktirafan ke atas kejayaan mereka mengatasi masalah dadah dan membina kehidupan baru".

(END)